



## SIARAN MEDIA

### KPKT KAJI MEKANISME “PILIHAN UNTUK MEMBELI” (OTP) BAGI MEMBANTERAS PROJEK SAKIT, LEWAT DAN TERBENGKALAI

---

**PETALING JAYA, 9 Mei 2026** - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang mengkaji pengenalan klausa *Option to Purchase* (OTP) atau Pilihan Untuk Membeli di bawah cadangan Rang Undang-Undang Pembangunan Hartanah sebagai sebahagian daripada usaha menyeluruh untuk memperkukuh sektor hartanah negara serta mengelakkan projek perumahan sakit, lewat dan terbengkalai.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming menyatakan bahawa perubahan dasar yang dicadangkan ini akan memberikan fleksibiliti yang lebih besar kepada pembeli dan pemaju untuk menarik diri sebelum menandatangani Perjanjian Jual Beli (SPA), sekali gus mengurangkan komitmen kewangan dan perundangan yang tidak perlu pada peringkat awal.

Ketika berucap pada **Majlis StarProperty Awards 2026**, YB Menteri KPKT berkata langkah tersebut merupakan sebahagian daripada agenda Reformasi Perumahan MADANI yang bertujuan memodenkan kerangka kawal selia perumahan negara dan memastikan kelestarian industri untuk jangka panjang.

Menurut beliau, mekanisme OTP yang dicadangkan itu akan membolehkan pemaju menilai permintaan pasaran sebenar dan kebolehlaksanaan projek dengan lebih baik sebelum pembinaan diteruskan.

"Langkah ini dapat mengurangkan komitmen kewangan dan perundangan yang tidak perlu di peringkat awal, selain membolehkan pemaju menilai kebolehlaksanaan projek berdasarkan permintaan pembeli di lapangan. Secara tidak langsung, ia membantu mengelakkan situasi di mana pemaju berdepan kekangan kewangan sekiranya jualan tidak memberangsangkan ketika projek sedang dibina," katanya.

Beliau menambah bahawa inisiatif ini secara proaktif dapat mengurangkan risiko projek perumahan sakit, lewat atau terbengkalai, selain membantu menangani isu unit hartanah yang tidak terjual akibat permintaan pembeli yang tidak mencukupi.

Pada masa sama, beliau turut berkongsi bahawa sektor hartanah negara mencatatkan prestasi memberangsangkan pada tahun 2025 dengan nilai transaksi melebihi RM240 bilion, tahap tertinggi dalam tempoh sedekad, sekali gus mencerminkan keyakinan pasaran yang kukuh susulan kestabilan politik dan keadaan ekonomi yang menguntungkan.

Beliau turut memaklumkan bahawa **pasukan petugas khas KPKT bagi projek perumahan sakit dan terbengkalai telah berjaya memulihkan lebih 1,500 projek sejak Disember 2022 dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) melebihi RM140 bilion**, yang memberi manfaat kepada lebih 176,000 pembeli rumah di seluruh negara.

Selain reformasi perundangan, KPKT juga sedang mempercepat inisiatif pendigitalan dalam ekosistem perumahan melalui platform seperti e-SPA, TEDUH, dan Sistem Pengurusan Bersepadu Perumahan (HIMS).

"Kami mempunyai satu matlamat yang jelas iaitu mencapai sasaran sifar projek sakit menjelang tahun 2030. Ini memerlukan usaha kolektif daripada semua pihak dalam ekosistem, termasuk penggiat industri," katanya.

Beliau turut menegaskan komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan penyediaan perumahan berkualiti, mampan, dan mampu milik untuk rakyat Malaysia terus diperkukuh menerusi kerjasama erat antara sektor awam dan swasta.

#MalaysiaMADANI  
#Kesejahteraan  
#StrongerTogether  
#DemiPertiwi  
#UnityInDiversity  
#RancarkanMADANI

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)